

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Julai /
Ogos
2009
2 ½ jam



ANJURAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH CAWANGAN NEGERI PERLIS

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

[Lihat sebelah

1103/2

SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang **langkah-langkah meningkatkan keberkesanan kitar semula dan faedah-faedah kitar semula**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Pernahkah anda terfikir tentang sisa pepejal atau sampah sarap yang dibuang setiap hari yang tidak diuruskan dengan sempurna? Hanya dalam masa 10 hari, sampah yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia yang dianggarkan sebanyak 18, 000 tan sehari mampu menjadi setinggi KLCC. Negara kita sebenarnya berhadapan dengan masalah pembuangan sisa pepejal yang serius. Hal ini berpunca daripada tempat pelupusan sampah yang ada begitu terhad dan semakin tidak mampu menampung jumlah sampah yang terus meningkat dari tahun ke tahun. Yang membimbangkan kita ialah 50% tanah di seluruh negara tidak sesuai untuk dijadikan tapak pelupusan kerana dikhuatiri akan memberikan kesan negatif kepada ekosistem.

Schubungan dengan itu, kerajaan menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Kempen Kitar Semula secara besar-besaran di seluruh negara. Kempen ini sebenarnya telah bermula sejak tahun 2000 menerusi Program Perintis Kitar Semula peringkat kebangsaan yang dilancarkan dengan rasminya pada 2 Disember 2000. Namun begitu, program kitar semula ini tidak begitu berjaya. Masih ramai lagi dalam kalangan kita yang membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya. Mereka juga kurang memanfaatkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan bagi memastikan sisa pepejal ini diurus dengan sewajarnya. Bagi memastikan program kitar semula ini berkesan dan berjaya, beberapa langkah perlu diambil. Pendidikan mengenai kitar semula perlulah dipupuk dari awal bermula dari rumah. Ibu bapa perlu memainkan peranan melatih anak mereka mengamalkan cara yang betul tentang pembuangan sampah dan sisa pepejal. Jika ini dilakukan anak akan sudah dibiasakan dengan amalan yang betul dan sihat. Didikan ini diteruskan oleh guru-guru di sekolah dengan menerapkannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Pendidikan awal ini jika dipupuk secara berterusan akan menjadi *amalan yang menguntungkan*.

Polisi mengenai pembuangan sampah sarap dan kitar semula juga perlu digubal kerana masih ramai yang berani menjadi penjenayah alam sekitar. Walaupun undang-undang mengenainya telah sedia ada, kerajaan perlu menggubalnya semula bagi memperuntukkan hukuman yang lebih berat dalam memastikan perkara seumpama ini tidak berleluasa. Peranan media massa juga penting bagi memastikan kempen kitar semula ini lebih berkesan. Iklan mengenai kitar semula haruslah sentiasa disiarkan bagi memastikan masyarakat sentiasa peka terhadap kempen ini. Selain itu, kerajaan dan pihak berkuasa tempatan perlu memperbanyak tong dan pusat kitar semula. Walaupun jumlah tong yang disediakan menjangkau 15, 000 yang merangkumi 700 pusat kitar semula di seluruh negara, jumlah ini masih belum cukup kerana jumlah penduduk semakin meningkat dan begitu juga jumlah sampah yang dibuang. Segala usaha ini tidak menyeluruh jika tidak melibatkan peranan badan bukan kerajaan (NGO). Selain membantu menguruskan bahan buangan, mereka juga memberikan khidmat nasihat dan aktiviti bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan kitar semula.

Kesimpulannya, masih banyak usaha yang perlu dilakukan bagi memastikan program kitar semula ini berjaya. Yang pasti, usaha ini tidak seharusnya dilaksanakan oleh kerajaan sahaja, tetapi semua pihak termasuk swasta, badan bukan kerajaan dan kita sendiri. Jangan tunggu hingga esok, kita mulakannya hari ini!

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
'Berkesankah Kitar Semula' oleh Roslan Lateh,
Dewan Siswa, Jun 2008)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *amalan yang menguntungkan*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah masalah pembuangan sisa pepejal semakin serius di negara kita? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah program kitar semula kurang berkesan walaupun telah dilancarkan sejak tahun 2000? [4 markah]

[Lihat sebelah

Soalan 2 (b) - Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SAFIAH: *(Terhenti, menjeling masam pada Umar, terdiam seketika, tapi bersemangat semula)* Kalau *you* bercita-cita hanya nak jadi guru, tak payah masuk universiti pun *you* boleh jadi guru. Apa susahnya? Tengok, berapa banyak orang yang boleh jadi guru, tak payah pandai cakap Inggeris pun boleh jadi guru.

UMAR: *(Sedikit kesal)* *You* terlalu memikirkan diri sendiri. *I* suka jadi guru dan *kita* pun memang kekurangan guru.

SAFIAH: *(Tak sabar)* *You* ni nasionalis sangat...

UMAR: *(Memandang penuh pada Safiah)* Ya, nasionalis tak nasionalis, cuba *you* tengok. Tiap tahun beribu-ribu murid masuk sekolah, tapi berapa orang guru yang bertambah? Berapa orang mahasiswa-mahasiswa yang mahu jadi guru?

SAFIAH: *(Cepat geram)* *You* terlalu statis!

UMAR: *(Berpaling dari Safiah, perlahan tapi pahit)* *You* terlalu ingin nak main salji sahaja, mahu duduk-duduk di London atau Amerika *(membisu beberapa lama)*

SAFIAH: *(Terdiam, memandang Umar, kemudian membongkok ke hadapan, menyentuh sedikit tangan Umar, dan berkata dengan nada baru, logik dan lembut)* *I* tahu *you* nak berkhidmat dalam negeri, *I* tahu *you* bercita-cita nak berjasa kepada bangsa. *I* hargai. Tapi *I* bercakap sebagai tunang *you*, yang ikut sama memikirkan masa depan *kita*... Dan di luar negeri pun *you* dapat berkhidmat dengan bangsa, *you* boleh memperkenalkan negeri *kita* di luar negeri...

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada drama
'Serunai Malam'
- oleh Usman Awang dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan sebab-sebab Umar ingin menjadi guru. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menggalakkan masyarakat menceburi kerjaya perguruan? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Safiah yang terdapat dalam petikan dan **dua** perwatakannya yang lain dalam keseluruhan drama. [3 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sudah Hang Jebat berpesan demikian itu, maka Hang Jebat pun fikir dalam hatinya: "Adapun jika aku bertikam dengan Laksamana ini sama seorang di istana ini, jika aku mati seorang pun tiada terbela dan namaku pun tiada masyhur. Jika demikian, baiklah aku turun mengamuk supaya banyak berlaku."

Adapun tatkala itu semoga-moga ditutup Allah Taala hati Si Jebat daripada membakar istana. Jika ia membakar, habislah negeri Melaka itu binasa. Si Jebat tiada terbunuh oleh Laksamana; itu pun daulat Sultan Melaka juga.

Setelah sudah ia fikir demikian, maka Hang Jebat pun mengerling ke pintu istana itu, empat puluh tertutup terkunci-kunci. Maka Laksamana pun tahulah akan Hang Jebat hendak turun mengamuk itu. Maka di dalam hati Laksamana: "Sekali ini matilah Si Jebat: tatkala ia membuka pintu itu kutikam." Setelah sudah maka Hang Jebat pun memekis, katanya, "Cih, Laksamana! Ingat-ingat engkau menyalahkan tikamku ini," serta diusirnya Laksamana lalu ditikamnya dada Laksamana. Maka dielakkan sedikit, salah tikam Hang Jebat itu, sekali lagi ditikamnya, maka Laksamana pun melompat ke kiri ke kanan *menyalahkan tikam* Hang Jebat itu, sekali lagi ditikamnya, tetapi Laksamana tiada jauh daripada pintu itu. Maka ditikamnya bersungguh-sungguh oleh Hang Jebat, hendak diberinya jauh daripada pintu istana itu supaya dapat membuka pintu. Dalam pada itu pun Laksamana tiada melompat jauh.

(Dipetik daripada
'Pertarungan Tuah dengan Jebat'
dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menyalahkan tikam* dalam petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Apakah yang difikirkan oleh Hang Jebat? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah tindakan Hang Jebat hendak turun mengamuk? [3 markah]

[Lihat sebelah

Soalan 2 (d) - Puisi

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ANAK LAUT

Segar angin laut
mengembalikan rindunya pada kolek
bagai buih kecil terapung di air
menjaring sedikit rezeki
dan sisik ikan
kulit ketam
kepala sotong
dan
kaki udang yang bersimpati.

Seperti kolek terdampar di pasir
menampakkan urat jalur-jalur tua
anak laut itu *sudah dapat menerka*
langkahnya hampir tiba
pada muara Pencipta.

RAHIMIDIN ZAHARI

Antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkai kata *sudah dapat menerka*. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah golongan nelayan terus dibelenggu kemiskinan? [4 markah]
- (iii) Nyatakan **tiga** nilai yang terkandung dalam sajak di atas. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Tatabahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap kata dalam pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan perbezaan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- i. gagap - gugup
- ii. rempah - rempuh
- iii. sembah - sembuh

[6 markah]

(b) Tukarkan ayat-ayat bersusunan songsang di bawah kepada susunan biasa dengan mengekalkan maksudnya.

- (i) Untuk menyuntik semangat kerja berpasukan, Kementerian Kesihatan Malaysia melancarkan Kempen Penerapan Budaya Korporat.
- (ii) Membangunkan sumber manusia yang bertaraf dunia, penerbitan buku-buku ilmiah yang berkualiti merupakan satu cara.
- (iii) Dengan pelbagai rekaan tudung dan aksesori, perkembangan dunia fesyen tanah air kian bersemarak.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Demi kesejahteraan hidup manusia sejagat, menjaga alam semulajadi secara berkesan amatlah penting. Meski pun ada yang pandang remeh akan hal ini, anggota masyarakat yang prihatin tetap menjadikan aktiviti memulihara alam sekitar sebagai agenda penting. Contohnya, kempen Bumi Hijau yang dianjurkan oleh kerajaan mendapat sambutan yang menggalakkan.

[6 markah]

[Lihat sebelah

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Sejak dari kecil lagi Manisah telah diajar tentang pentingnya adat berbudi bahasa dalam pergaulan seharian.
 - (ii) Cikgu Jamil meminta pelajar-pelajarnya menggarap serangkap pantun sebagai induksi set pengajarannya pada hari itu.
 - (iii) Perselisihan faham di antara Sumayah dengan suaminya berpunca daripada kedatangan orang ketiga.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan peribahasa yang sesuai dengan situasi yang terdapat dalam ayat.*
- (i) Lazimnya apabila tetamu diundang menghadiri majlis perkahwinan, setangkai bunga telur akan diberikan kepada mereka sebagai
 - (ii) Faiz selalu mengganggu rakan-rakan sekelasnya semasa ketiadaan guru. Tetapi sikapnya seperti menyebabkan ia selalu terlepas daripada hukuman.
 - (iii) Seorang pemimpin yang berwibawa akan menunjukkan sikap yang bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugasnya dan sering menjadi contoh kepada orang-orang bawahannya. Hal ini samalah seperti cogan kata

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
 - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj Yusof
 - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
 - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
 - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
 - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda kaji, huraikan **dua** teknik penceritaan yang digunakan oleh pengarang dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Pengakhiran cerita sesebuah novel kadang-kadang tidak disangka-sangka oleh pembaca. Bandingkan pengakhiran cerita bagi **dua** buah novel yang anda pelajari. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Bahagian B

[100 markah]

(Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit)

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Pengenalan mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah mampu membentuk jati diri generasi muda.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan tersebut.

2. Kemelesetan ekonomi memberi kesan kepada negara dan mendatangkan masalah kepada keluarga.

Jelaskan langkah-langkah untuk meringankan beban keluarga dalam menghadapi kesan kemelesetan ekonomi ini.

3. Kebanjiran pekerja asing di negara kita meningkatkan kadar jenayah dan masalah sosial.

Tulis sebuah rencana tentang pernyataan di atas.

4. Bencana alam seperti kejadian tanah runtuh yang berlaku di beberapa buah negara di dunia dikatakan berpunca daripada aktiviti pembangunan tanpa perancangan.

Ulaskan pernyataan di atas.

5. *Seikat bak sirih, serumpun bak serai* menggambarkan hubungan erat yang wujud dalam kalangan masyarakat.

Tulis sebuah karangan untuk menyatakan pendapat anda berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT